

05/11/2003

SMK Cheras Perdana kenang jasa Dr Mahathir

GURU dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras Perdana, Kuala Lumpur, tidak ketinggalan merakamkan ucapan terima kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad pada majlis perhimpunan khas sempena persaraan bekas Perdana Menteri, baru-baru ini.

Sebagai tanda penghargaan terhadap keprihatinan serta sumbangan besar Dr

Mahathir dalam pembangunan pendidikan negara, warga sekolah berkenaan menandatangani kad Jasamu Dikenang dan gambar seribu wajahnya, di samping

mendoakan kesejahteraan dan kesentosaan hidup.

Aktiviti lain yang diadakan pada perhimpunan khas itu ialah membaca teks

perutusan Menteri Pendidikan dan Ketua Pengarah Pendidikan serta surat terbuka pelajar sekolah Malaysia kepada Dr Mahathir, di samping deklamasi

sajak bertajuk Dirgahayu Dr Mahathir, tayangan video Perjuangan Yang Belum

Selesai dan nyanyian lagu Pahlawanku.

Terdahulu dalam ucapannya, pengetua sekolah itu, Rohani Ahmad, menyeru pelajar menggembleng tenaga untuk mengekalkan perpaduan dan keharmonian negara seperti yang sentiasa ditekankan negarawan ulung itu.

Guru Penolong Kanan (Kokurikulum), Zarina Abdullah, mengakui sumbangan dan bakti Dr Mahathir berjaya menaikkan imej negara pada peringkat antarabangsa, sementara guru, Filzah Ahmad, pula menjadikan beliau sebagai

idola sejak di bangku sekolah lagi.